

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA TAHUN BARU 1994

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1993

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Negara baru sahaja diselubungi kesedihan kerana tragedi Kondominium Highland Towers baru-baru ini yang meragut banyak nyawa. Kita semua bersimpati dengan keluarga mangsa tragedi ini. Kita berdoa agar Allah Subhanahu wa Ta'ala mencucuri rahmat ke atas mereka yang menjadi mangsa.

2. Setiap sesuatu yang berlaku tetap mempunyai pengajaran. Kita percaya demikian jugalah dengan tragedi ini. Hari ini kita semua sedar akan pentingnya kita mengambilkira segala kemungkinan apabila membuat sesuatu.

3. Di waktu yang sama rakyat Malaysia boleh berbangga dengan usaha yang tidak tahu penat-lelah yang ditunjukkan oleh pasukan-pasukan polis, tentera, bomba, badan sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan persatuan-persatuan lain serta orang awam untuk menyelamatkan mangsa-mangsa tragedi tersebut. Kerajaan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat termasuk pasukan-pasukan penyelamat dari Jepun, Singapura dan Perancis.

4. Jika kita ingin tahu sama ada sifat-sifat penyayang ada kepada rakyat Malaysia, reaksi mereka terhadap tragedi ini bolehlah dijadikan bukti.

5. Sementara kita boleh gembira kerana menyambut tahun baru 1994, kita tentulah tidak akan lupa untuk bersyukur banyak-banyak kerana kita terselamat. Dalam keadaan dunia yang terus bergolak, rakyat Malaysia tentu insaf dan bersyukur kerana kita bukan sahaja dijauhi daripada penderitaan akibat peperangan atau persengketaan kaum atau perang saudara, tetapi sebaliknya dikurniakan kemakmuran dan kemajuan yang berterusan.

6. Keadaan aman, stabil, tenteram dan makmur serta kemajuan yang kita nikmati sekarang bukanlah wujud secara kebetulan atau datang bergolek kepada kita. Sebenarnya sebahagian besarnya adalah hasil usaha gigih dan kerjasama semua pihak -- rakyat, Kerajaan, pekerja dan pengusaha. Penggembengan padu usaha semua golongan, alhamdulillah, telah membolehkan Malaysia mencapai prestasi yang terus menggalakkan di semua bidang sepanjang tahun 1993.

7. Semua masyarakat di mana-mana negara inginkan kemakmuran dan kebahagiaan. Untuk ini banyak teori dan ideologi dicipta. Ada yang berpendapat bahawa manusia akan merasa bahagia jika kekayaan dibahagi-bahagikan secara sama rata kepada semua anggota masyarakat. Dengan itu dibentuk dan diamalkan ideologi seperti sosialisme dan komunisme, serta suatu sistem negara kebajikan di mana segala kebajikan rakyat ditanggung oleh Kerajaan, dari buaian hingga ke liang lahad.

8. Niat untuk merata dan menyamakan semua rakyat memang baik tetapi ideologi-ideologi ini tidak mengambilkira naluri manusia. Persamaan antara kita hanyalah di waktu kita dilahirkan, di waktu mana kita semua bersih daripada segala dosa. Sama ada kita berjaya atau tidak menjadi manusia yang baik atau sebaliknya apabila membesar, bergantung kepada sikap dan usaha kita. Pihak lain boleh menolong kita. Kerajaan boleh menolong kita. Tetapi akhirnya yang membawa kejayaan atau tidak kepada kita ialah usaha kita sendiri.

9. Sebab itu anggota masyarakat tidak boleh berharap kepada masyarakat atau Kerajaan untuk menyediakan semua kemudahan seperti yang dijanjikan oleh negara kebajikan atau 'welfare state' ala Barat. Mengharapkan pihak lain bekerja keras dan lebih bertanggungjawab tetapi dengan upahan yang sama supaya kita yang tidak bekerja keras dan kurang bertanggungjawab mendapat kebahagiaan hidup adalah tidak waras. Jika semua pihak diberi nikmat yang sama, tidak akan ada sesiapa yang ingin memikul kerja yang berat. Dan tidak ada cara untuk menjadikan semua kerja sama ringan. Percubaan untuk membayar gaji yang sama untuk kerja yang berbeza-beza hanya akan menghalang kemajuan masyarakat. Negara yang tidak maju dan makmur tidak mungkin memberi kebahagiaan hidup kepada rakyatnya. Yang mudah dibahagikan secara sama rata ialah kemiskinan dan hidup merana. Negara kebajikan yang bergantung kepada paksaan undang-undang tidak akan berjaya menjadi negara kebajikan. Sebab itulah negara-negara komunis sudah musnah dan negara sosialis dan 'welfare state' menghadapi masalah ekonomi yang merosot.

10. Tetapi ini tidak bermakna negara kebajikan tidak boleh diwujudkan sama sekali. Ia boleh diadakan jika ada rakyat yang mampu dan cekap dan boleh mengejar kekayaan dengan bebas. Jika masyarakat mempunyai sifat-sifat penyayang dan sanggup menghulur derma dan bantuan dengan rela hati kepada yang kurang bernasib baik maka negara kebajikan boleh diwujudkan. Tetapi tujuannya bukanlah supaya yang tidak bernasib baik menjadi sama kaya dengan penderma. Tujuannya ialah untuk mengurangkan nasib buruk mereka yang tidak berjaya kerana apa juga sebab. Dengan itu jurang antara yang miskin dengan yang kaya tidaklah terlalu jauh.

11. Kerajaan masih mempunyai peranan dalam negara kebajikan seperti ini. Kerajaan mengenakan cukai terhadap yang kaya untuk membiayai kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan oleh semua. Tetapi cukai tidak harus terlalu

tinggi sehingga melemahkan semangat pihak yang berkebolehan menambah kekayaan mereka. Orang yang cekap mencari kekayaan berguna kepada kebajikan masyarakat dan negara. Jika tidak ada mereka, atau, seperti dalam negara komunis di mana mereka tidak dibenar mengumpulkan harta kekayaan, tidak akan ada cukai yang boleh dipungut oleh Kerajaan untuk perbelanjaan kepentingan awam. Sudah tentu masyarakat tidak boleh menumpang mereka yang kaya jika mereka tidak ada.

12. Teori bahawa Kerajaan boleh mengadakan perniagaan dan perusahaan dan mengambil semua keuntungan dan tidak hanya sebahagian sahaja melalui cukai adalah tidak berasas. Perniagaan Kerajaan biasanya rugi, terutama jika semua anggota dan kakitangan syarikat Kerajaan dibayar gaji yang sama seperti disarankan oleh komunis dan sosialis. Lagipun sistem birokrasi Kerajaan menyekat pengurusan daripada bertindak sebagai orang berniaga. Dengan itu keuntungan sukar diperolehi. Pengalaman di Malaysia ialah syarikat Kerajaan perlu bantuan Kerajaan sepanjang masa.

13. Syarikat milik Kerajaan juga kerap menghadapi tuntutan kenaikan gaji dan tindakan mogok oleh pekerjanya. Jika tuntutan tidak dilayan, Kerajaan mungkin tidak mendapat sokongan apabila pilihanraya diadakan. Dengan melayan tuntutan pula, kerugian akan bertambah atau harga barangan yang dikeluarkan akan naik. Pendapatan Kerajaan akan semakin berkurangan dan tidak dapat membiayai bekalan untuk kepentingan awam.

14. Sebaliknya Kerajaan tidak boleh mencari keuntungan yang berlebihan. Dengan itu Kerajaan sebagai pemilik perniagaan tidak boleh membayar gaji yang baik kepada kakitangannya. Dengan gaji yang rendah, rakyat, yang kebanyakannya bekerja dengan Kerajaan dalam negara kebajikan ala barat tidak dapat membeli barangan mewah yang biasanya memberi keuntungan yang tinggi.

15. Banyak lagi masalah yang dihadapi oleh syarikat milik Kerajaan. Hakikatnya ialah teori sosialis atau komunis yang berkata bahawa jika semua punca kekayaan dimiliki oleh Kerajaan, maka Kerajaan boleh memberi kehidupan yang bahagia kepada semua rakyat adalah tidak benar. Masyarakat manusia memerlukan kebebasan untuk mencari kekayaan bagi diri sendiri. Tugas Kerajaan ialah menolong mereka ini mencari seberapa banyak kekayaan secara halal, dan kemudian mengenakan cukai yang berpatutan untuk mengagihkan kekayaan itu kepada seluruh masyarakat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih tinggi mutunya.

16. Di Malaysia kita mempunyai falsafah yang tersendiri. Kita memberi kebebasan yang sepatutnya kepada semua pihak. Kita percaya semua pihak, daripada pekerja kasar hingga kepada pengusaha, pemodal, ahli politik dan pengurus mempunyai peranan. Peranan mereka tidaklah sama tetapi mereka semua tetap menyumbang kepada apa juga kemajuan.

17. Pada satu ketika di barat, pemodal dianggap orang yang

terpenting sekali. Mereka dengan itu menjadi begitu tamak sehingga tidak menghargai peranan pengurusan atau pekerja. Masyarakat mereka memanglah masyarakat kapitalis. Kerana mereka terlalu tamaklah maka revolusi komunis dan sosialis telah berlaku.

18. Masyarakat sosialis dan komunis yang terlalu mengutamakan pekerja juga tidak mendatangkan kejayaan dan keadilan. Hari ini di Barat muncul pula masyarakat yang terlalu menghargai pengurus. Kononnya penguruslah yang menjayakan segala perniagaan dan perusahaan. Dengan itu mereka menuntut gaji yang amat tinggi dengan bonus dan opsyen saham dan faedah-faedah atau 'perks' yang lain.

19. Dalam usaha mereka untuk menunjuk kejayaan pengurusan mereka, pengurus-pengurus cuba mencatat keuntungan yang besar supaya boleh membayar dividen yang tinggi. Dengan itu mereka akan mendapat upah yang bertambah dan banyaklah syarikat gergasi yang cuba 'membeli' mereka dengan tawaran gaji yang semakin tinggi.

20. Di Malaysia juga sudah terserap falsafah ini. Pengurus menuntut gaji dan 'perks' yang semakin tinggi. Sudah ada yang meminta dibayar jumlah upahan berbagai-bagai bentuk bernilai hampir dua juta ringgit setahun.

21. Sebenarnya pengurus-pengurus yang tamak seperti inilah yang menyebabkan syarikat-syarikat gergasi di Amerika Syarikat gagal dan bankrap, dan ekonomi Amerika merosot. Mereka terlalu mengutamakan keuntungan cepat bagi syarikat mereka sehingga tidak ada pelaburan untuk pembesaran perniagaan dan usaha Penyelidikan dan Pembangunan atau R & D. Dengan itu mereka menjadi tidak kompetitif dalam pasaran.

22. Nasib yang malang inilah juga yang akan melanda syarikat-syarikat di negara ini jika pengurus dan pengarah urusan menuntut gaji yang terlalu tinggi.

23. Kita bernasib baik kerana kita masih terus maju. Dan kita akan terus maju jika kita berhati-hati, bersikap sederhana dan tidak tamak. Sama ada kita buruh kasar atau pemilik syarikat gergasi atau pengurus besar, sama ada kita di pihak awam atau swasta, tidak ada sesiapa daripada kita yang begitu penting sehingga tidak perlu kepada orang lain. Semua kita mempunyai peranan, sama ada kecil atau besar. Justeru itu kita perlu menilai dan menghargai semua pihak secara adil dan saksama.

24. Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada budaya, iaitu jumlah semua nilai hidup dan kepercayaan bangsa itu. Empayar yang terbesar dalam sejarah pun runtuh apabila budayanya tidak sesuai lagi dengan kemajuan. Jika pada hari ini kita masih terus maju sebabnya ialah kerana kita belum lupa daratan.

25. Peristiwa keruntuhan kondominium Hulu Klang membuktikan bahawa kemewahan tidak menghapuskan sifat-sifat

penyayang dan keinsafan di kalangan kita. Alhamdulillah. Kita susuli peristiwa ini dengan mengambil berbagai-bagai keputusan dan tindakan yang kita percaya boleh menolong kita mengelak daripada berulangnya tragedi seperti ini. Tetapi hendaklah kita elak daripada sikap yang keterlaluan terhadap bangunan tinggi atau kemudahan moden yang lain.

26. Sebagai bangsa yang waras kita harus berani meneruskan pembangunan negara kita. Kita akan berhati-hati dan akan mengambil segala tindakan yang diperlukan. Tetapi kita tidak akan lari daripada cabaran pembangunan negara moden.

27. Dalam tahun-tahun yang akan datang kita akan menghadapi lebih banyak cabaran. Sebagai bangsa yang ingin maju, yang ingin dihormati kita mesti menerima hakikat ini dan menyediakan diri kita. Budaya yang tahan cabaran hendaklah dibentuk dan diamalkan oleh kita semua, di samping falsafah yang telah kita bentuk bersama.

28. Pada permulaan tahun 1994 ini, marilah kita memperbaharui azam kita untuk mengamal nilai-nilai yang mulia supaya dapat kita membangunkan negara kita, Malaysia, insya-Allah.

Selamat Tahun Baru.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.